

22/03/1998

Gawat cabul hak asasi (HL)

Azizi Othman in Hannover

HANNOVER: Kegawatan ekonomi yang menyebabkan pelbagai masalah dalam sesebuah negara atau rantau, boleh mendorong kepada pencabulan hak asasi manusia, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, perkara itu terbukti kerana kegawatan ekonomi yang melanda Asia Tenggara sudah mula mencetuskan satu gejala yang dikenali sebagai fenomena 'orang hanyut' baru.

Katanya, pencabulan hak asasi manusia berlaku kerana kegawatan ekonomi boleh mencetuskan pelbagai masalah sosial yang berpunca daripada kehilangan mata pencarian.

"Oleh sebab kegawatan ekonomi, beratus-ratus orang kini hilang pekerjaan mereka. Bekalan makanan dan ubat tidak cukup, malah susu untuk anak kecil mereka juga tiada.

"Ini sebenarnya satu ketidakadilan," kata Perdana Menteri dalam sidang akhbar di hari terakhir lawatan kerjanya ke sini, semalam. Dr Mahathir dijadual berlepas pulang ke tanah air malam ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai butiran perbincangan tertutup selama sejam yang diadakannya dengan Canselor Jerman, Helmut Kohl di sini, Khamis lalu.

Dr Mahathir berkata, apabila kegawatan dan pencabulan hak asasi berlaku, golongan yang terjejas akan berhijrah ke negara lain yang ekonominya lebih baik dan ia seterusnya menyebabkan masalah kepada negara itu.

Sejak pertengahan tahun lalu, kegawatan ekonomi yang berlaku di Asia Timur menyebabkan ramai penduduk kehilangan pekerjaan dengan berjuta-juta lagi menghadapi risiko yang sama.

Berikutan konflik itu yang boleh disifatkan sebagai satu bentuk pencabulan hak asasi, Asia Tenggara kini mengalami krisis sosial baru yang hampir seperti fenomena 'orang hanyut' Vietnam yang melanda pada 1970-an.

"Kita kini sudah mula merasakan kesannya. Hari ini, ia hanya Malaysia tetapi mungkin merebak ke negara lain," kata Dr Mahathir mengenai gejala 'orang hanyut' baru itu.

Menurut Perdana Menteri, beliau menjelaskan kepada Kohl bahawa Malaysia dulu membantu Vietnam membuat reformasi ekonomi supaya mereka boleh maju dan orang hanyut mereka boleh dihantar pulang.

"Tetapi kini, oleh kerana mata wang dijatuhkan, apa yang berlaku ialah negara maju pun jadi miskin dan ia mencetuskan masalah yang sama seperti yang berlaku di Vietnam dulu," katanya.

Menurutnya, Kohl yang bersetuju dengan pendapat itu berpendirian bahawa satu-satunya jalan mengatasi masalah demikian ialah dengan menyelesaikan kemelut terbabit di negara tempat ia berlaku.

Perdana Menteri berkata, Kohl bersetuju dengan hakikat kegawatan ekonomi menjerumuskan kepada pencabulan hak asasi kerana ia turut berlaku di Jerman apabila 300,000 rakyat Bosnia datang ke negara itu apabila kekacauan meletus di sana.

Dalam pertemuan itu katanya, beliau juga menjelaskan kepada Kohl mengenai kedudukan sebenar asas ekonomi negara dan menegaskan bahawa kegawatan yang berlaku berpunca daripada kejatuhan nilai mata wang dan pasaran saham.

Bagaimanapun katanya, beliau tidak meminta sebarang bantuan daripada Jerman kerana apa yang lebih penting ialah mereka faham mengenai kedudukan perkara sebenar.

"Bagi kita, lebih baik mereka faham daripada memberi bantuan seperti

gula atau susu kerana ia tidak kekal. Penyelesaian yang kekal ialah jika kita dapat memulihkan semula nilai mata wang," katanya.

Bagaimanapun katanya, Malaysia bukannya mahu ringgit mempunyai nilai tukaran asing yang tinggi, sebaliknya hendaklah lebih stabil untuk menggalak serta mempermudah dagangan antarabangsa.

Perdana Menteri turut mengulangi pendapat bahawa selagi nilai mata wang boleh diturun atau dinaikkan dengan sewenang-wenangnya maka sehingga itulah kegawatan ekonomi boleh melanda mana-mana negara.

(END)